

SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



Eksport komoditi meningkat

● MUKA 2

Dr Ahmad Kushairi Din dilantik Ketua Pengarah MPOB

● MUKA 4



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi kunjungi ibu pejabat MPOB



Datuk Seri Mah Siew Keong menunjukkan sampel biodiesel ketika kunjungan ke MPOB. Turut kelihatan Ketua Setiausaha MPIC, M Nagarajan (tiga dari kiri); Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din (dua dari kanan) dan Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB, Mohamad Nor Abdul Rahman (kanan).

➔ Strategi penyelidikan MPOB capai visi transformasi, sumbang pendapatan tinggi sektor sawit negara

Oleh Mohd Saufi Awang
saufti@mpob.gov.my

► **Bangi**

Datuk Seri Mah Siew Keong yang dilantik sebagai Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi dalam rombongan kabinet baru-baru ini mengadakan lawatan kerja ke Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) iaitu agensi pertama yang dilawati di bawah kementerian.

Ketibaan Datuk Seri Mah disambut oleh Ketua Pengarah MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din dan pegawai kanan MPOB. Beliau diberi taklimat mengenai MPOB dan perkembangan industri sawit negara.

Dalam taklimatnya, Dr Kushairi memaklumkan pencapaian dan strategi MPOB dalam bidang penyelidikan dan perkhidmatan bagi menangani cabaran meningkatkan kemajuan industri sawit negara.

Bagi mencapai visi transformasi industri sawit, strategi penyelidikan yang dilaksanakan oleh MPOB adalah berdasarkan strategi serampang tiga mata iaitu strategi pendapatan tinggi, strategi buangan sifar dan strategi nilai tambah yang akan menyumbang kepada pendapatan tinggi sektor sawit negara.

Penyelidikan semua aspek

Penyelidikan MPOB meliputi rantai pengeluaran minyak sawit dari sektor hulu, sektor pemprosesan dan pengilangan, dan sektor hili-

ran yang menghasilkan teknologi dan inovasi baharu bagi pembangunan mampan industri sawit dan menjana pertumbuhan ekonomi negara.

Program penyelidikan genom sawit telah menghasilkan penemuan terkini dalam pengeluaran bahan tanaman sawit bermutu. Teknologi MPOB yang dikenali SHELL Gene dan Shell Kit yang ditawarkan kepada pihak industri berupaya meningkatkan bekalan anak benih sawit berkualiti bagi peningkatan produktiviti dan kualiti produk keluaran sawit.

MPOB telah memperkenalkan lebih 600 teknologi baharu untuk pengkomersialan kepada pihak industri dan usahawan di mana 30 peratus teknologi tersebut berjaya

dikomersial dan diguna pakai oleh industri.

Teknologi yang dikomersialkan meliputi benih sawit, formula baja, teknik kawalan biologi serangga dan penyakit, automasi di sektor perladangan dan pengilangan, formula produk makanan dan bukan makanan.

Datuk Seri Mah Siew Keong berkata, MPOB telah memberi sumbangan kepada kemajuan industri sawit termasuk sektor pekebun kecil yang mengusahakan lebih 40 peratus keluasan tanaman sawit negara.

Pendapatan RM62 bilion

Industri sawit adalah antara penyumbang utama pendapatan eksport negara yang mencatatkan pendapatan RM62 bilion pada 2015 dan menjana pembangunan ekonomi penduduk luar bandar yang mengusahakan tanaman sawit.

Katanya, minyak sawit mempunyai khasiat pemakanan yang tinggi dan keistimewaan dalam penyediaan makanan yang perlu diberi pendedahan meluas kepada pengguna dalam dan luar negara.

Bagi memastikan kemajuan industri sawit negara, pelbagai cabaran seperti produktiviti, jaminan kualiti produk sawit, isu pemakanan dan kesihatan, alam sekitar dan perlindungan hidupan liar yang dikaitkan dengan penanaman sawit perlu ditangani melalui penyelidikan yang menghasilkan penemuan saintifik dan pensijilan mampan.

Datuk Seri Mah juga melawat Loji Rintis Marjerin dan merasmikan Bangunan Kemajuan Teknologi Oleokimia MPOB yang menempatkan loji rintis dan makmal bagi penyelidikan oleokimia sawit serta melawat Galeri Sawit.

MPOB membangunkan kemudahan penyelidikan bertaraf dunia bagi kesejahteraan dan menjana perubahan industri sawit negara.

MPOB telah mengadakan Sesi Semakan Prestasi Tahunan 2016 (Mid Year Review 2016) bagi menilai pencapaian pelaksanaan melibatkan bidang penyelidikan dan perkhidmatan yang dilaksanakan bagi memastikan pertumbuhan industri sawit negara.

Dalam merangka perancangan dan pelaksanaan aktiviti tahunan sejajar dengan keperluan pembangunan industri sawit yang dinamik, MPOB memberi fokus kepada aspek pengurusan dan Indeks Petunjuk Prestasi (Key Performance Indicator - KPI) bagi pengukuran pencapaian di setiap peringkat pelaksanaan dan MPOB sebagai sebuah organisasi yang dipertanggungjawab membangun dan memacu industri sawit negara.



MINDA
Dr Ahmad
Kushairi Din

Ketua Pengarah
MPOB

Pemantauan secara berkala dan pengukuran pencapaian petunjuk prestasi tahunan MPOB bagi memastikan setiap aktiviti yang dilaksanakan mengikut perancangan serta ditambah baik untuk memberi impak kepada kemajuan industri sawit negara.

Perancangan strategik MPOB yang melibatkan fasa pembangunan jangka pendek dan jangka panjang dilaksanakan sejajar dengan visi dan misi MPOB sebagai agensi yang berteraskan penyelidikan bagi meneraju pembangunan industri sawit mampan dan berdaya saing di peringkat global.

Dalam konteks ini, aktiviti penyelidikan yang dilaksanakan oleh MPOB dari peringkat hu-

luan hingga hiliran melibatkan strategi serampang tiga mata iaitu Strategi Pendapatan Tinggi, Strategi Sifar Buangan dan Strategi Tambah Nilai.

Pelaksanaan strategi penyelidikan secara bersepadu melibatkan semua aspek sawit bertujuan menjana pendapatan tinggi industri melalui peningkatan produktiviti, memaksimum penggunaan biojisim dan produk hiliran bernilai tambah yang tinggi.

MPOB juga memberi tujahan kepada pelan komunikasi bagi memastikan proses hebah dan pnyaluran maklumat secara berkesan dan menyeluruh kepada pemegang taruh (stakeholders) industri sawit di dalam dan luar.

Strategi komunikasi yang berkesan dapat meningkatkan jaringan dan penyampaian maklumat yang tepat dan cepat kepada semua pihak dalam industri sawit dan hubungan dengan pihak luar termasuk badan bukan kerajaan dan publik.

Penyaluran maklumat terkini berkaitan penyelidikan dan perkhidmatan yang disediakan oleh MPOB dan perkembangan industri sawit negara akan dipertingkatkan melalui saluran media massa dan media sosial, perkhidmatan atas talian, laman sawang dan penerbitan ilmiah.

MPOB juga akan meningkatkan interaksi dengan pihak industri bagi hebah inovasi dan teknologi baharu, dan perkembangan industri melalui penganjuran acara, persidangan, seminar dan juga pengendalian program lawatan.

Proses komunikasi yang berkesan bagi penyampaian maklumat yang lengkap, tepat dan terkini kepada semua pihak juga meliputi kepentingan industri sawit kepada pembangunan ekonomi negara, khasiat dan kebaikan penggunaan minyak dan produk sawit kepada kumpulan sasar.

Berita Sawit yang diterbitkan pada setiap Sabtu pertama setiap bulan bersama BH adalah antara wadah MPOB bagi menyalurkan maklumat industri sawit kepada pembaca akhbar, pelajar dan masyarakat umum.

Saya ingin mengambil peluang ini mengucapkan salam perkenalan kepada semua pembaca akhbar sisipan Berita Sawit dan mengalu-alukan pandangan dan saranan yang membina untuk memperkasakan lagi industri sawit negara yang merupakan tulang sektor komoditi pertanian dan penyumbang utama kepada pembangunan ekonomi negara.

kushairi@mpob.gov.my



Siew Keong berucap pada Majlis Hari Raya MPIC dan Agensi, di Putrajaya, baru-baru ini.

Prestasi eksport komoditi Januari-Mei 2016 meningkat

» *Warga MPIC, agensi digesa berusaha gigih transformasi sektor, majukan negara*

Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Putrajaya

Prestasi eksport sektor komoditi dan produk berasaskan komoditi bagi tempoh Januari hingga Mei 2016 menunjukkan peningkatan memberangsangkan berbanding tempoh sama pada tahun 2015.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong berkata, prestasi eksport sektor komoditi secara keseluruhannya meningkat hampir lima peratus bagi tempoh Januari hingga Mei 2016 kepada RM46.5 bilion berbanding RM44.4 bilion bagi tempoh yang sama tahun lalu.

“Peningkatan ini didorong terutama oleh faktor peningkatan harga komoditi utama, minyak sawit men-

tah kepada RM2,495 satu tan bagi tempoh Januari hingga Mei pada tahun ini berbanding RM2,224 satu tan bagi tempoh yang sama pada tahun 2015.

Katanya, pada tahun 2015, jumlah keseluruhan pendapatan eksport komoditi dan produk berasaskan komoditi adalah sebanyak RM117 bilion.

Rakyat dapat manfaat

“Peningkatan jumlah eksport sektor komoditi dan produk berasaskan komoditi pada tahun ini bermakna rakyat yang terbahit dalam sektor ini sudah tentu mendapat manfaatnya.

Sejajar dengan pencapaian itu, beliau menggesa warga Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), agensi dan majlis di bawah kementerian itu agar terus berusaha lebih gigih bagi mentransfor-

masikan sektor komoditi dan memajukan negara.

“Saya harap usaha ke arah memperkukuhkan eksport ke pasaran baru dapat dilaksanakan. Saya juga berharap inisiatif yang sedang dan akan dijalankan dapat dipertingkatkan lagi.

Katanya, sebagai contoh, pelaksanaan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) diharapkan dapat mencapai matlamat membantu pekebun kecil berdepan dengan kesan kejatuhan harga getah dunia.

Program B7, B10

“Manakala program B7 bagi sektor perindustrian dan B10 bagi sektor pengangkutan dapat memberi impak positif kepada usaha mengurangkan pelepasan gas rumah hijau di samping menstabilkan harga minyak sawit mentah”, katanya ketika berucap pada Majlis Hari Raya MPIC dan Agensi di sini, baru-baru ini.

Pada majlis berkenaan beliau turut menyampaikan sumbangan duit raya kepada anak-anak yatim dari Pertubuhan Kebajikan dan Bimbingan At-Taqwa Puchong, Selangor.

Majlis berkenaan turut dihadiri Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa; Ketua Setiausaha MPIC, Datuk M Nagarajan.

Fakta
nombor

RM46.5 BILION

eksport sektor komoditi
Januari hingga Mei 2016

Menteri rasmi Bangunan Teknologi Oleokimia

Dilengkapi pelbagai infrastruktur penyelidikan bidang oleokimia, pengkomersialan teknologi

Oleh Mohd Saufi Awang
saufi@mpob.gov.my

Bangi

Menteri Perusahaan, Perlindungan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong merasmikan bangunan baharu Bahagian Kemajuan Teknologi Oleokimia (AOTD) di Kompleks Ibu Pejabat MPOB semasa lawatan kerja ke MPOB baru-baru ini.

Bangunan AOTD meliputi infrastruktur penyelidikan yang terdiri loji rintis, makmal dan inkubator bagi penyelidikan dalam bidang oleokimia dan pengkomersialan teknologi.

Pembinaan bangunan dan kelengkapan penyelidikan oleokimia adalah antara projek di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) melibatkan peruntukan sebanyak RM42.22 juta.



Datuk Seri Mah Siew Keong menandatangani plak sebagai simbolik perasmian Bangunan AOTD. Yang turut hadir; Ketua Setiausaha MPIC, Datuk M. Nagarajan; Ketua Pengarah MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din (dua dari kiri); dan Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB, Mohamad Nor Abdul Rahman.

Antara kemudahan loji rintis yang dibina, termasuk bagi pengeluaran produk poliuretan dan poliuretana, produk pencuci, produk kosmetik dan penjagaan diri, produk agro kimia dan industri yang menyediakan kemudahan kepada pihak industri dan usahawan bagi proses pengkomersialan teknologi berasaskan oleokimia sawit.

Tingkat kapasiti penyelidikan Pembinaan bangunan baru AOTD akan meningkatkan kapasiti penyelidikan MPOB dalam sektor

oleokimia bagi menghasilkan produk nilai tambah berasaskan oleokimia sawit yang akan menjana pendapatan pihak industri dan pertumbuhan ekonomi negara.

Di bawah Pelan Perindustrian Negara dan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), sektor oleokimia dikenal pasti sebagai sektor yang berpotensi menjana pertumbuhan baharu ekonomi negara.

MPOB memberi tumpuan khusus kepada penyelidikan oleokimia dengan penubuhan sebuah unit pada 1994 dan berkembang seba-

gai sebuah bahagian penyelidikan pada 2004 sejajar perkembangan dan potensi sektor oleokimia sawit menjana pendapatan industri.

Bangunan AOTD turut dilengkapi dengan panel hiasan yang diperbuat daripada bahan poliuretana berasaskan sawit bagi kegunaan sektor pembinaan yang dihasilkan melalui penyelidikan MPOB. Produk panel hiasan poliuretana sawit dengan ukiran tumbuhan dan geometrik adalah unik dan berkualiti sesuai untuk pejabat dan kediaman.

Kerajaan sasar tingkat pendapatan pekebun kecil



Nancy Shukri menyampaikan kupon bantuan baja kepada pekebun kecil sawit sempena Program Transformasi Pekebun Kecil Sawit di Lahad Datu, Sabah. Yang turut hadir; Datuk Datu Nasrun Datu Mansur (dua dari kanan) dan Toisin Gantor (kiri).

Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad
watie@mpop.gov.my

Lahad Datu: Kerajaan mensasarkan peningkatan pendapatan pekebun kecil komoditi di seluruh negara mencecah sekurang-kurangnya RM5,270 sebulan menjelang 2020.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Nancy Shukri, berkata bagi mencapai sasaran itu, pelbagai bantuan dan insentif disalurkan kerajaan bagi membantu pekebun kecil sawit meningkatkan produktiviti serta pendapatan.

"Ini termasuk bantuan di bawah Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan Skim Tanam

Baharu Pekebun Kecil Sawit (TBSPK) yang turut memanfaatkan 511 pekebun kecil di kawasan Lahad Datu," kata beliau semasa berucap merasmikan Program Transformasi Pekebun Kecil Sawit, di sini baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Perusahaan, Perlindungan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu

Mansur dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Perusahaan Perlindungan dan Komoditi (MPIC), Toisin Gantor.

Katanya, TSSPK ditawarkan kepada pekebun kecil sawit melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Mereka yang layak akan mendapat nilai siling bantuan tidak melebihi RM7,500 sehektar di Semenanjung dan RM9,000 sehektar di Sabah dan Sarawak untuk membiayai kos, termasuk penyediaan tanah, anak benih berkualiti, baja dan racun perosak.

Sedia pelbagai bantuan

Bantuan lain untuk pekebun kecil sawit oleh MPOB, termasuk Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK) dan Skim Diskaun CANTAS (SKIDIC). TBSPK diberikan kepada pekebun kecil yang membuka kawasan baru sawit. Nilai siling bantuan tidak melebihi RM7,500 sehektar (Semenanjung) dan RM9,000 sehektar untuk Sabah dan Sarawak untuk membiayai kos seperti penyediaan tanah, pembelian anak benih sawit berkualiti, baja dan racun perosak.

Peningkatan produktiviti sawit dapat dicapai melalui antara lain,

Amalan Pertanian Baik yang melibatkan penggunaan benih sawit yang berkualiti tinggi, teknik pembajaan, kawalan rumpai, kawalan serangga perosak dan kaedah penyuai buah sawit.

Datuk Datu Nasrun Datu Mansur dalam ucapan aluannya berkata, Program Transformasi Pekebun Kecil di Lahad Datu, Sabah itu adalah antara program turun padang anjuran kementerian dengan kerjasama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi berkongsi pelbagai maklumat berkaitan inisiatif yang dilaksanakan kerajaan bagi memajukan sektor komoditi negara.

"Program ini bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat terutama pekebun kecil dan usahawan komoditi, di samping memberi pendedahan mengenai insentif yang disediakan oleh MPIC dalam usaha meningkatkan produktiviti pekebun kecil.

Beliau yakin bantuan yang disediakan kerajaan seperti ini akan memberi manfaat kepada pekebun kecil untuk meningkatkan produktiviti sawit dalam jangka panjang.

Dr Ahmad Kushairi Din dilantik Ketua Pengarah MPOB

Berkelulusan PhD, antara perintis penubuhan institusi penyelidikan sawit

Oleh **Mohd Saufi Awang**
saufi@mpob.gov.my

Putrajaya

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Kiong menyerahkan surat perantikan kepada Dr Ahmad Kushairi Din sebagai Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang baharu berkuatkuasa 4 Julai 2016.

Sebelum ini beliau adalah Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB.

Beliau berkelulusan Ijazah Kedoktoran (PhD) dalam bidang genetik kuantitatif daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan mempunyai Ijazah Sarjana (Masters) Sains daripada UKM dan Louisiana State University (LSU), Amerika Syarikat serta Ijazah Sarjana Muda (Agric.Sc) daripada Universiti Pertanian Malaysia (UPM).



Dr Ahmad Kushairi Din

Dilahirkan pada tahun 1958 di Malim Nawar, Perak, telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam hampir 40 tahun.

Beliau memulakan perkhidmatan bersama MPOB (PORIM) pada tahun 1979 dan golongan perintis penubuhan institusi penyelidikan sawit pada ketika itu.

Beliau dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB pada tahun 2011 dan sebelum itu merupakan Pengarah Penyelidikan Biologi MPOB sejak tahun 2004.

Dr Kushairi berpengalaman luas dalam bidang penyelidikan khususnya bidang biak baka dan genetik tanaman kelapa sawit.

Hasilkan penemuan baharu

Beliau bersama kumpulan penyelidikan biak baka berjaya menghasilkan penemuan baharu 13 jenis bahan tanaman sawit dan pengumpulan germplasma sawit membabitkan ekspedisi di negara-

negara Afrika dan Amerika Selatan.

Dalam bidang penyelidikan, beliau menghasilkan 32 teknologi baharu yang ditawarkan kepada pihak industri bagi pengkomersialan, empat paten dan tujuh standard Malaysia serta mengendalikannya lebih 60 persidangan dan seminar.

Beliau aktif dalam penulisan saintifik dan teknikal dengan 270 penerbitan ilmiah serta suntingan kertas pembentangan dan manuskrip.

Beliau juga terbabit dalam pembangunan modal insan dengan memperkerusi Program Pembangunan Sumber Manusia bagi pelajar lepasan ijazah dan menyelia pelajar PhD dan Masters.

Selain pembabitannya dalam penyelidikan genetik tanaman sawit, beliau juga menyumbang kepakarannya melalui khidmat perundingan kepada pihak industri dan turut dilantik sebagai ahli lembaga dalam sektor awam dan swasta, keahlian dalam jawatankuasa kebangsaan dan badan profesional.

Beliau adalah Presiden International Society for Oil Palm Breeders (ISOPB), sebuah badan yang berperanan memajukan penyelidikan biak baka tanaman sawit di peringkat antarabangsa.

Dr Kushairi dianugerahkan Pingat Johan Mangku Negara (JMN) oleh Yang Dipertuan Agong dan anugerah serta penghargaan lain sepanjang perkhidmatannya.

Pelan biosekuriti bendung perosak eksotik

Oleh **Mohd Hefni Rusli**
mohd.hefni@mpob.gov.my

Bangi: Satu pelan pengurusan risiko biosekuriti komprehensif dan pelan tindakan kecemasan industri sawit Malaysia sedang disediakan bagi mempertahankan industri daripada ancaman perosak eksotik berbahaya yang mempunyai risiko tinggi daripada memasuki Malaysia.

Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dr Ahmad Kushairi Din semasa berucap merasmikan Bengkel Pelan Biosekuriti Industri Sawit Malaysia, berkata bengkel itu diadakan bagi membincangkan deraf Pelan Biosekuriti Industri Sawit Malaysia yang akan digunakan bagi membendung perosak, penyakit dan rumpai eksotik daripada memasuki negara ini.

Katanya, ia juga bertujuan bagi mengurus perosak, penyakit dan rumpai yang sedia ada dan mengurangkan kesannya serta untuk memastikan persediaan dan tindak balas kapasiti yang sesuai dan memenuhi piawaian antarabangsa.

“Agensi kerajaan dan pihak industri mempunyai peranan penting dalam proses implementasi pelan biosekuriti ini kerana perkongsian kerjasama adalah penting bagi memastikan semua pihak terbabit dalam pengawasan dan pengurusan risiko biosekuriti.

Bengkel yang dihadiri wakil ke-



Peserta yang menghadiri bengkel Biosekuriti Industri Sawit Malaysia.

menterian dan jabatan kerajaan, pihak industri sawit serta pensyarah universiti turut mengikuti pembentangan oleh Dr. Lum Keng Yeang dari CABI Asia Tenggara.

23 jenis perosak

Dr Lum berkata, berdasarkan kajian yang dilakukan terdapat 23 jenis perosak, penyakit dan rumpai yang didapati mempunyai risiko yang tinggi terhadap industri sawit Malaysia telah dikenal pasti dan akan diberi tumpuan khusus da-

lam Pelan Biosekuriti ini.

“Antara perosak tersebut ialah *Fusarium oxysporum f.sp. elaeidis* (penyakit layu vaskular), *Phytophthora palmivora* (reput umbut kelapa sawit), *Phytophthora palmivora* (reput putik), *Cercospora elaeidis* (bintik daun *Cercospora*) dan *Bursaphelenchus cocophilus* (penyakit cincin merah).

Isu berkaitan perosak dan penyakit sawit semasa turut dibincang pada bengkel ini termasuk kaedah pengurusan dan mitigasi

penyakit *Ganoderma* dan serangan ulat bungkus yang menyebabkan kerugian yang tinggi.

Perkenalkan risiko baharu

Pihak Jabatan Pertanian Malaysia juga menyedari bahawa risiko hasil daripada aktiviti perdagangan komoditi pertanian yang semakin berkembang boleh memperkenalkan risiko baharu fitosanitasi jika langkah untuk mencegah kemasukan ancaman perosak dan penyakit tidak mencukupi.

Justeru, pendekatan selari dan lebih strategik perlu dilaksanakan bagi mengawal serangan perosak eksotik baru yang mungkin wujud. MPOB turut menjemput pakar pengurusan biosekuriti daripada Lembaga Getah Malaysia, Plant Health Australia, CABI Eropah dan Institut Kajian Tumbuhan dan Makanan, New Zealand untuk membentangkan pengalaman mereka dalam aplikasi pelan biosekuriti di negara masing-masing.

MPOB sedia garis panduan atasi isu pencemaran 3-MCPD, GE

➔ Kandungan klorida, suhu sangat tinggi ketika proses penyahbauan antara punca utama

Oleh Norizah Halim dan Dr Nuzul Amri Ibrahim
norizah@mpob.gov.my
nuzul@mpob.gov.my

► Bangi

Isu pencemaran makanan minyak sawit bertapis dengan sejenis bahan kimia 3-monokloropropandiol (3-MCPD) dan glisidol ester (GE) menjadi topik utama perbincangan pada forum anjuran Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), di sini, baru-baru ini.

Forum yang dihadiri lebih 300 peserta terdiri wakil industri sawit serta ahli persatuan berkaitan industri sawit Malaysia seperti Persatuan Penapis Minyak Sawit Malaysia (PORAM), Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA), Persatuan



Peserta forum 3MCPD.

Pengilang Minyak Sawit Malaysia (POMA) dan Persatuan Pekilang-pekilang Minyak Makan Malaysia (MEOMA).

Forum ini adalah satu daripada platform MPOB berinteraksi dengan pihak industri bagi menyebarkan maklumat terkini berkenaan 3-MCPD dan GE.

Ia juga bagi mendapatkan pandangan pihak industri terhadap langkah yang perlu dipraktikkan untuk mengurangkan paras 3-MCPD dan GE dalam minyak sawit bertapis.

Dua ahli panel membentangkan kertas kajian iaitu Dr Marc Kellens dan Dr Nuzul Amri Ibrahim yang masing-masing mewakili Syarikat



3-MCPD dan GE

➔ **3-MCPD** adalah bahan pencemaran dalam minyak sayuran berpunca daripada proses pengeluaran minyak tersebut.

➔ **EU bercadang** menetapkan had kandungan 3-MCPD dan GE dalam minyak sayuran.

➔ **Malaysia mempunyai teknologi** untuk mengurangkan kandungan 3-MCPD dan GE dalam minyak sawit.

Desmet Ballestra, Belgium dan MPOB.

Langkah pencegahan

Forum ini juga bertujuan mencapai persetujuan bersama dengan pelbagai sektor industri sawit seperti sektor perladangan, pengilangan dan penapisan minyak sawit untuk mempertimbang dan seterusnya merumus langkah pencegahan untuk mengurangkan paras 3-MCPD dan GE dalam minyak sawit bertapis.

Kombinasi kandungan klorida dalam minyak sawit mentah dan suhu yang sangat tinggi ketika proses penyahbauan dikenal pasti sebagai antara punca terhasil bahan

cemar ini.

Keadaan persekitaran berasid semasa proses penapisan minyak sawit mentah menggalakkan pembentukan 3-MCPD dan GE.

Pengawalan kandungan klorida dalam minyak sawit mentah di setiap peringkat pemprosesan adalah sangat kritikal. Laporan European Food Safety Authority (EFSA) pada bulan Mei 2016 mengenai kandungan bahan cemar 3-MCPD dan GE dalam minyak sawit bertapis adalah lebih tinggi berbanding minyak sayuran lain.

Kesan kesihatan terhadap manusia masih belum disahkan secara ujian klinikal. Oleh itu, had 3-MCPD dan GE yang dibenarkan dalam minyak sawit belum diwartakan oleh Kesatuan Eropah (EU).

Justeru, pihak industri sawit di Malaysia berpeluang bertindak untuk menangani isu ini bagi mengurangkan paras bahan cemar berkenaan dan seterusnya membuktikan bahawa Malaysia mampu menurunkan paras tersebut pada tahap yang lebih rendah seperti yang bakal disyorkan oleh EU.

Forum ini berjaya meyakinkan pihak industri bahawa isu ini boleh ditangani di mana paras 3-MCPD dan GE dapat dikurangkan dengan melaksanakan langkah tambahan dalam pemprosesan minyak sawit.

MTecS terokai pasaran sawit di Kemboja, Laos

Oleh Hisamudin Mohamad Aspar dan Hisham Hussain
hispar@mpob.gov.my dan
hishamhussain@mpob.gov.my

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) buat julung kalinya menganjurkan 'MPOB Technical Seminar (MTecS)' di Kemboja dan Laos masing-masing pada 26 dan 28 Julai lalu.

MTecS adalah program jelajah ke negara pengguna minyak sawit di seluruh dunia.

MTecS diadakan bertujuan mewujudkan kesedaran terhadap kebaikan penggunaan minyak sawit dan menyebarkan maklumat penyelidikan saintifik yang terkini berkaitan minyak sawit di kalangan pengguna di Kemboja dan Laos.

Seminar turut menggalakkan pengusaha minyak dan lemak di kedua-dua negara tersebut untuk mendapatkan bekalan minyak sawit dari Malaysia. MTecS menekankan aspek teknikal minyak sawit yang meliputi faedah, khasiat pemakanan minyak sawit, pemprosesan dan juga aplikasi dalam

industri pembuatan makanan dan bukan makanan.

Pengisian ceramah disampaikan oleh pakar-pakar MPOB dan industri sawit Malaysia dalam bidang masing-masing.

Delegasi MPOB diketuai oleh Ketua Unit Khidmat Nasihat Teknikal, Fauziah Arshad.

MTecS Kemboja 2016 diadakan di Phnom Penh, Kemboja dengan kerjasama Pejabat Kedutaan Malaysia di Phnom Penh.

Lebih 170 peserta hadir

Seminar dirasmikan Duta Besar Malaysia ke Kemboja, Dato' Sri Hassan Malek dan dihadiri lebih 170 peserta dari kalangan pengusaha minyak dan lemak, pengimport, wakil agensi kerajaan, penyelidik dan ahli akademik di Kemboja.

Dato' Sri Hassan Malek menggalakkan pengusaha minyak dan lemak Kemboja mengadakan kerjasama dengan pihak industri minyak sawit Malaysia untuk membangunkan industri minyak sayuran di negara berkenaan.

Beliau juga menyarankan supaya peserta seminar mengambil kesempatan untuk berhubung dengan pe-

gawai MPOB yang sedia membantu untuk mendapatkan bekalan minyak sawit dari Malaysia.

Sementara itu, MTecS Laos 2016 di Vientiane dengan kerjasama Pejabat Kedutaan Malaysia di Vientiane.

Timbalan Menteri Industri dan Perdagangan Laos, Somchit Ithamith merasmikan MTecS Laos. Turut hadir adalah Duta Besar Malaysia ke Laos, Dato' Than Tai Hing.

Ketika berucap merasmikan seminar Somchit Ithamith berkata, penganjuran seminar berkaitan industri sawit di negara berkenaan adalah satu inisiatif yang merupakan batu loncatan bagi usaha sama antara Laos dan Malaysia dalam pelbagai industri yang berkaitan.

Kunci hubungan dua hala

"Industri sawit boleh menjadi kunci hubungan dua hala Malaysia dan Laos di samping berpeluang mempelajari dari Malaysia berkaitan transformasi ekonomi yang dijalankan di negara itu ke arah menjadi sebuah negara maju menjelang 2020.

"Kita seharusnya bekerja seiring



Sebahagian peserta dan penceramah MTecS Laos 2016.

dengan negara ASEAN lain dan seminar hari ini adalah contoh yang baik dalam memelihara minat dan kebajikan 600 juta penduduk di rantau ASEAN", katanya.

Duta Besar Malaysia ke Laos, Dato' Than Tai Hing dalam ucapannya menyatakan penganjuran seminar itu dapat membantu peserta memahami maklumat teknikal berkait industri sawit di Malaysia di samping mewujudkan rangkaian strategik bersama wakil

industri di Laos.

Beliau berkata, Malaysia melalui MPOB mengalu-alukan kerjasama antara kedua-dua negara dalam membangunkan industri sawit.

MPOB akan terus menjalankan aktiviti-aktiviti membangunkan pasaran minyak sawit Malaysia di kalangan Negara ASEAN di antaranya menerusi penganjuran MTecS ASEAN khususnya di negara-negara yang sedang membangun seperti Kemboja dan Laos.



11 - 12 Oktober 2016
Hotel Kinta Riverfront,
Ipoh, Perak

PERSIDANGAN KEBANGSAAN PEKEBUN KECIL SAWIT

Memperkasakan Peranan, Memperjuangkan Harapan

2016

OBJEKTIF

1. Meningkatkan kesedaran dan peranan semua pihak dalam rantaian industri sawit ke arah kemampanan minyak sawit.
2. Menyampaikan teknologi baru berkaitan dengan penanaman dan integrasi sawit.
3. Menyediakan ruang berinteraksi, pertukaran idea dan pengalaman antara pekebun kecil, agen pengembangan dan penyelidik.

PENDAFTARAN

Rubaah Masri / Salmah Hussin
Tel : 03-8769 4567 / 03-8769 4873
Faks : 03-8925 7549 / 03-8926 1202
E-mel : rubaah@mpob.gov.my /
salma@mpob.gov.my

PERTANYAAN LAWATAN

Khairuman Hashim
Tel : 03-8769 4984
Faks : 03-8920 2932
E-mel : ppksk2016@mpob.gov.my

PERTANYAAN TEKNIKAL

Hamdan Abu Bakar
Tel : 03-8769 4551
Faks : 03-8920 2932
E-mel : ppksk2016@mpob.gov.my

Nazirah Che Jaafar / Ainul Shazwin
Shahidan
Tel : 03-8769 4234 / 03-8769 4497
Faks : 03-8920 2932
E-mel : ppksk2016@mpob.gov.my



Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi
www.mpob.gov.my

Sila layari www.mpob.gov.my untuk mendapatkan borang dan hantar sebelum 1 Oktober 2016



Sistem pembakaran sendiri yang terdapat di loji rintis MPOB-UKM.



Arang yang dihasilkan daripada tempurung sawit.

Hasil arang daripada tempurung sawit

➔ Usaha capai proses pengeluaran arang mampan, berkualiti tinggi dari segi ekonomi, alam sekitar

Peringkat yang paling kritikal adalah bagi penghasilan arang, membabitkan pembakaran yang mungkin mendatangkan isu-isu persekitaran.

Arang (charcoal) adalah satu bahan perantara bagi penghasilan karbon teraktif, yang mempunyai nilai karbon tetap (fixed carbon) yang tinggi (70-80%); bagi perediaan untuk diaktifkan bagi penghasilan karbon teraktif.

MPOB membangunkan lima sistem karbonisasi yang mesra alam, iaitu:

- i) Sistem Brik Tapak Bersaluran (Hollow Plith Brick System),
- ii) Sistem Dom Bertutup (Closed Dome System),
- iii) Sistem Ketuhar Berputar Berterusan (Continuous Rotary Kiln system)
- iv) Sistem Gelombang-mikro (Microwave System) dan
- v) Sistem Pembakaran-sendiri (Self-sustained system).

Karbon teraktif (activated carbon) digunakan secara meluas di dalam pelbagai industri seperti penapisan air dan gas, penulenan emas, petroleum dan nuklear, pemrosesan makanan dan sektor farmaseutikal.

Secara global, dijangkakan sebanyak 5% peningkatan penggunaan karbon teraktif di dalam pelbagai industri tersebut. Dari perspektif kilang sawit pula, karbon teraktif boleh digunakan sebagai bahan untuk rawatan tertiar bagi efluen kilang minyak sawit (POME).

Kepentingan bahan ini dijangka menjadi lebih kritikal dengan pengenalan beberapa peraturan yang lebih ketat daripada Jabatan Alam Sekitar, seperti pematuhan tahap BOD (< 20 ppm) dan juga tahap warna yang dihadkan sebelum dilepaskan ke dalam sungai.

Penghasilan karbon teraktif membabitkan dua peringkat yang berbeza iaitu; proses karbonisasi (untuk penghasilan arang) dan proses pengaktifan arang bagi penghasilan karbon teraktif.

Tapak kebuk dibina secara rapi supaya wujudnya siri-siri terowong kecil di bawahnya, yang berfungsi sebagai saluran untuk pengeluaran asap yang terhasil semasa pembakaran.

Asap akan dirawat oleh scrubber basah dan disalurkan ke cerobong melalui prinsip vakum yang terbentuk melalui sedutan cerobong (akibat dari perbezaan tekanan udara panas dan sejuk).

Sistem Dom Bertutup

Sistem dom ini dibina menggunakan prinsip tertutup dan asap yang dikeluarkan akan dirawat dan dikumpulkan bagi menghasilkan cuka kayu (wood vinegar).

Loji rintis sistem ini dipasang di Stesen Penyelidikan MPOB Kluang, yang mampu membakar tempurung kelapa sawit sebanyak 2.24 tan, dengan penghasilan 30% arang iaitu 0.67 tan.

Kaedah operasi adalah dengan mengisi tempurung kelapa sawit di dalam tong-tong dram yang kemudiannya disusun di dalam dom sebelum pembakaran dimulakan menggunakan kayu.

Setelah pembakaran dimulakan dan marak, pintu ketuhar akan ditutup bagi memastikan haba tinggi dibekalkan keserata dom. Empat operasi boleh dijalankan setiap bulan bagi mengeluarkan kira-kira 2.69 tan arang.

Dari setiap kitaran, kira-kira 500 liter cuka kayu boleh dikumpulkan, iaitu kira-kira 2000 liter sebulan. Sistem ini adalah berkos sederhana dan boleh dijalankan oleh industri-industri kecil dan sederhana.

Sistem Ketuhar Berputar Berterusan

Sistem karbonisasi secara berterusan ini

telah dibangunkan oleh MPOB dengan kerjasama Hakita Engineering Sdn. Bhd. Kilang perintis telah dipasang di Stesen Penyelidikan MPOB / UKM, Bangi Lama, Selangor.

Dalam proses ini, biojisim dimasukkan ke dalam ketuhar berputar mendarat yang dipanaskan kepada suhu yang dikehendaki antara 600-700°C. Haba yang dibekalkan dari sistem pembakaran luar, menggunakan diesel dan biogas sebagai bahan api.

Sistem ini boleh juga menghasilkan karbon teraktif dengan menggunakan stim berlebihan yang terhasil semasa proses karbonisasi.

Sistem ini juga dilengkapi sistem scrubber bagi memastikan asap yang terhasil daripada proses karbonisasi dapat dirawat. Sistem ini berkos agak tinggi dan sesuai untuk dikomersialkan bagi menghasilkan arang pada kapasiti tinggi dan mesra alam.

Sistem gelombang mikro

MPOB turut memperkenalkan teknologi baru iaitu sistem gelombang mikro untuk penghasilan arang. Berbanding dengan sistem karbonisasi yang sedia ada, pemanasan gelombang mikro boleh menjadi lebih cekap, singkat dengan pemanasan yang seragam.

Prototaip sistem gelombang mikro dibina dengan saiz 0.42 m³ menggunakan keluli tahan karat dan dilengkapi dengan tiga magnetron kapasiti 2kW setiap satu.

Dari proses pengoptimuman yang dijalankan, kira-kira 30 kilogram (kg) tempurung sawit (PKS) boleh dimasukkan ke dalam reaktor.

Walaupun sistem ini menggunakan te-

naga yang tinggi tetapi dengan proses yang cepat dan bersih dan dengan kilang sawit mampu menghasilkan tenaga elektrik melalui biojisim dan biogas daripada POME, teknologi ini akan boleh diterima pakai pada masa akan datang terutamanya bagi kilang-kilang sawit.

Sistem Pembakaran-sendiri

MPOB menjalankan kajian usaha sama dengan Fakulti Bioteknologi dan Biomolekular Sains UPM bagi penghasilan satu sistem yang dikenali sebagai Sistem Pembakaran-sendiri.

Sistem asal dipatenkan oleh UPM dan berjaya menghasilkan arang yang berkualiti tinggi berasaskan biojisim tempurung kelapa sawit.

Hasil pembakaran untuk biojisim ini mengambil masa lebih kurang 10 jam dengan kapasiti maksimum 100-200 kg.

Keunikan sistem ini adalah bahan bakar dari biojisim itu sendiri dengan kadar penggunaan tenaga yang sangat cekap. Seterusnya melalui projek usaha sama MPOB dan UPM ini juga, sistem ini diubahsuai dalam usaha bagi penghasilan karbon teraktif.

Secara keseluruhannya, MPOB melalui penyelidikan dan pembangunan bersama pihak industri dan universiti, telah membangunkan beberapa teknologi hijau bagi penghasilan arang, dengan penekanan diberikan terhadap pengurangan pencemaran asap, peningkatan kualiti dan operasi yang lestari.

Industri yang dahulunya dikenali sebagai salah satu industri yang menyumbang kepada pencemaran telah boleh dikomersialkan secara lebih meluas dan seterusnya dapat meningkatkan pendapatan kepada rakyat, industri dan negara.

Kerajaan sedia insentif beli jentera ladang

➔ Skim tingkat produktiviti perladangan sawit negara

Oleh Mohd Azwan Mohd Bakri
azwan.bakri@mpob.gov.my

Kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menyediakan insentif bagi pembelian jentera perladangan sawit melalui Skim Insentif Jentera Perladangan Sawit (Oil Palm Industry Mechanization Incentive Scheme – OPIMIS) bagi meningkatkan produktiviti perladangan sawit negara.

OPIMIS diwujudkan untuk meningkatkan penggunaan jentera bagi aktiviti utama perladangan sawit seperti penuaian, pemungahan buah tandan segar, pem-



Skim Insentif Jentera Perladangan Sawit menampung harga jentera dan peralatan sehingga 20 peratus.

bajaan dan penyelenggaraan ladang. Pengurangan kos jentera diharap dapat meningkatkan minat sektor perladangan ke arah penggunaan mekanisasi dengan lebih luas.

OPIMIS menampung sehingga 20 peratus daripada harga jualan jentera dan peralatan.

Insentif di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) memperuntukkan hampir RM1 juta untuk lima tahun.

Sasaran OPIMIS adalah pengusaha ladang, pekebun kecil dan kontraktor perladangan sawit.

Peningkatan penggunaan jentera ladang sawit secara lebih meluas

dapat meningkatkan kecekapan perladangan dan meningkatkan pendapatan pekebun kecil serta syarikat perladangan sawit di seluruh negara.

Dengan peningkatan produktiviti pekerja, kebergantungan industri perladangan sawit negara kepada pekerja asing da-

pat dikurangkan.

Syarat permohonan

Syarat utama OPIMIS untuk kategori pembeli daripada kalangan syarikat perladangan, pekebun kecil dan kontraktor ladang adalah warganegara Malaysia atau syarikat yang didaftarkan di Malaysia.

Bagi kategori pembekal syarat utama adalah syarikat yang berdaftar di Malaysia dan memasarkan jentera atau peralatan pertanian yang dipasang sekurang-kurangnya 30 peratus daripada komponen di Malaysia.

Keutamaan diberikan kepada jentera atau peralatan pertanian yang mengandungi komponen buatan Malaysia.

Luas hektar kawasan ladang kepada setiap jentera dan peralatan pertanian ditentukan untuk memastikan jumlah insentif kepada pemohon.

Pihak yang berminat untuk mendapatkan insentif ini perlu melayari pautan OPIMIS di laman sesawang MPOB di www.mpob.gov.my.

Selain borang permohonan, maklumat yang dipaparkan termasuk senarai jentera dan pengedar serta panduan OPIMIS. Pengilang atau pembekal jentera yang berminat untuk menjadi pembekal OPIMIS perlu juga mengikuti panduan di laman sesawang tersebut.

OPIMIS

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah melancarkan skim insentif yang berbentuk pemberian geran bagi meningkatkan pemilikan dan penggunaan jentera untuk aktiviti perladangan sawit. Ia dikenali sebagai skim galakan mekanisasi industri sawit atau ringkasnya OPIMIS (Oil Palm Industry Mechanisation Incentive Scheme).

OBJEKTIF OPIMIS
Objektif OPIMIS adalah untuk menggalakkan penggunaan mekanisasi dalam sektor perladangan sawit Malaysia terutama melibatkan aktiviti penuaian, pengangkutan buah tandan segar, pemungahan biji rai dan penjagaan tanaman.

Skop OPIMIS

- Insentif ini terbuka kepada pekebun kecil, esel, kontraktor ladang dan mereka yang terlibat dalam perladangan sawit di Malaysia.
- Geran yang diberikan akan menampung sehingga 20% harga kilang jentera atau peralatan ladang di mana pembekal-pembekal ini perlu mendaftar dengan MPOB.
- Jentera atau peralatan ladang yang layak diperimbangkan untuk menyertai skim ini adalah yang baru, tersedia di pasaran dan berpotensi tinggi untuk meningkatkan produktiviti. Keutamaan adalah kepada teknologi baru yang dibangunkan dalam negara oleh rakyat/syarikat tempatan (home grown technology).

Panduan Umum

- Pemohon-pemohon sama ada pembekal (syarikat pembekal jentera) atau pengguna (pekebun kecil, esel dan kontraktor) boleh mendapatkan borang permohonan serta maklumat lain berkaitan OPIMIS di laman sesawang MPOB.
- MPOB mempunyai budi bicara mutlak untuk memuliskan sebarang pindaan kepada kriteria yang ditetapkan untuk insentif ini.

Tempoh Masa Pelaksanaan OPIMIS
Pelaksanaan OPIMIS adalah sepanjang Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020) dan mengikut had belanjawan tahunan.

PERMOHONAN DIBUKA MULAI MEI 2016 SILA LAYARI www.mpob.gov.my

Selain OPIMIS, Lembaga Minyak Sawit Malaysia Pusat Penjenteraan Ladang, 30400 Penyelang, Syabas MPOB-UKM, Pekan Bangi Lama, 43000 Kajang, Selangor
Tel: 03-8920 1524 Faks: 03-8926 1852 Email: opimis@mpob.gov.my

Final Announcement

PILIPS & PalmMech Seminar 2016

Synchronising Labour & Mechanisation: Redesigning Approaches

19 - 21 September 2016
Four Points by Sheraton Sandakan, Sabah

PILIPS: Palm Industry Labour: Issues, Performance & Sustainability
PalmMech: Oil Palm Mechanisation

MALAYSIAN PALM OIL BOARD
MINISTRY OF PLANTATION INDUSTRIES AND COMMODITIES
www.mpob.gov.my

MPOB sertai pameran NATSEM 2016

➔ Pamer perkhidmatan, statistik terkini industri sawit negara

Oleh Muhammad Asyraf Hussin
asyrafhussin@mpob.gov.my

➔ Kuching

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menyertai pameran National Seminar 2016 (NATSEM 2016) yang berlangsung di sini, baru-baru ini.

Program kali ke-12 anjuran Incorporated Society for Planters (ISP) ini dirasmikan oleh Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Amar Douglas Uggah Embas, yang juga Menteri Pemodenan Pertanian dan Ekonomi Luar Bandar Sarawak.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Datu Nasrun Datu Mansur dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Puan Zurinah Pawanteh.

Tarik 600 peserta
Di bawah tema, *Factors Impacting*

the Competitiveness of the Palm Oil Industry, seminar itu berjaya menarik hampir 600 peserta terdiri daripada wakil syarikat sawit, persatuan perdagangan dan agensi kerajaan.

Pempamer daripada syarikat pembekal baja, jentera, racun perosak tanaman dan peralatan perladangan turut memeriahkan seminar tiga hari itu. MPOB turut terbabit dengan mempamerkan perkhidmatannya dan statistik terkini berkaitan dengan industri sawit negara.

Pada ucapan perasmian majlis, Datuk Amar Douglas Uggah Embas menyarankan MPOB meningkatkan lagi inisiatif dan membangunkan inovasi sebagai usaha mengurangkan keperluan tenaga buruh di sektor perladangan sawit.

Beliau mengambil sabit pemotong buah tandan segar (BTS) sawit bermotor CANTAS sebagai contoh yang berjaya membantu pekerja ladang dalam meningkatkan produktiviti.

Beliau turut memberitahu Kerajaan Sarawak sedang dalam usaha memperkenalkan modul baharu yang lebih baik untuk membangunkan Tanah Hak Adat Bumiputera (NCR) dalam masa terdekat.

Katanya, model itu akan memfokuskan kerja dan usaha membangunkan NCR untuk penanaman sawit yang mampu memberi pulangan yang lumayan kepada pemilik tanah hasil daripada pelaburan ke atas tanah mereka.



Pameran MPOB pada NATSEM 2016.

Kegigihan masa lalu, kejayaan masa kini



Haji Husin kini boleh berbangga dengan hasil sawit yang diusahakannya.

Oleh Mohd Hairi Jati
mohdhairi@mpob.gov.my,
zainih@mpob.gov.my

Haji Husin atau nama sebenarnya A Damit Mohd, 48, anak jati Kampung Darat, Menumbok, Sabah bersyukur kerana hasil penat lelah dan usaha gigihnya pada masa lalu kini membuahkan kejayaan dan memberi pendapatan yang menjamin kesejahteraan kehidupan beliau dan keluarga.

Beliau beralih daripada menjalankan perusahaan bot penambang kepada penanaman sawit pada 1997 dengan keluasan tanaman 5.67 hektar.

Sepanjang pembabitan dengan tanaman sawit, beliau banyak mendapatkan khidmat nasihat daripada Pusat TUNAS, MPOB.

Selain itu, beliau kerap menerima pengalaman daripada rakan lain yang berjaya.

Khidmat nasihat TUNAS

Haji Husin tidak jemu mendapatkan khidmat nasihat daripada Pegawai TUNAS Kawasan Beaufort, Sabah tentang kaedah dalam menguruskan ladang dan merekod-

kan aktiviti ladang yang terbaik.

Baja yang digunakan adalah baja campuran dan baja MPOB F1, yang ditabur secara serakan terutama di kawasan susunan pelepah dengan kadar sembilan kilogram sepokok setahun.

Pembajaan dilakukan tiga kali setahun. Sebelum ini, kekerapan pembajaan dilakukan tidak menentu iaitu sekali setahun dan ada kalanya pembajaan langsung tidak dilakukan.

Pusingan menuai yang diamalkan ialah antara 10-14 hari setiap pusingan dan bagi memastikan kualiti buah tan segar (BTS), penuaian dilakukan ke atas BTS yang cukup masak sahaja iaitu berdasarkan sebiji biji leri di atas tanah.

BTS yang dituai dihantar ke kilang sawit dalam masa 24 jam selepas menuai. Penghantaran buah tandan segar dilakukan menggunakan lori sendiri terus ke kilang berdekatan.

Aktiviti pemangkasan pelepah pula dilakukan ketika kerja menuai buah sawit. Pelepah yang dipangkas, disusun di lorong pelepah bagi memastikan kerja penuaian dan penyelenggaraan kebun dapat dilakukan dengan lancar.

Kawalan rumpai secara biologi turut dilaksanakan dengan memelihara ternakan lembu dan kambing.

Integrasi sawit, kambing

Ternakan kambing dijalankan secara feedlot dan juga dilepaskan di ladang. Usaha gigih beliau mengamalkan integrasi sawit dengan kambing sudah diiktiraf oleh Jabatan Haiwan Negeri Sabah yang menobatkan beliau sebagai Penternak Jaya Negeri Sabah 2006.

Selain mengusahakan kebun sawit, Hj Husin turut mengusahakan pengangkutan laut ke Pulau Labuan.

Beliau mempunyai sembilan bot laju untuk mengangkut penumpang dari Menumbok ke Pulau Labuan.

Hj Husin amat berterima kasih dan menghargai usaha MPOB dengan mewujudkan Pejabat Pusat TUNAS di beberapa daerah yang banyak membantu dan mendidik pekebun kecil sawit yang kurang berpengetahuan dalam bidang pengurusan sawit.

Menurutnya, program atau aktiviti TUNAS perlu diteruskan pada masa akan datang agar dapat melahirkan lebih ramai pekebun kecil sawit yang berjaya.

Dewan Senat sahkan Kerajaan Perancis tolak cukai baharu minyak sawit



Jun yang lalu.

Isu cukai baru ke atas minyak sawit di Perancis ini telah mendapat tentangan hebat kerana ia dilihat mendiskriminasi minyak sawit berbanding minyak sayuran lain.

Berikutan keputusan ini, Kerajaan Perancis, Dewan Senat dan Dewan Perhimpunan Kebangsaan Perancis kini telah mengesahkan penolakan mereka terhadap cukai minyak sawit ini.

Keputusan ini perlu dihormati dan dipertahankan sepanjang masa terutamanya di masa akan datang.

Ini berikutan kenyataan Kerajaan Perancis yang telah mengumumkan bahawa ia akan mengkaji semula cukai ke atas minyak-minyak sayuran sebelum penghujung tahun ini.

Dalam proses ini, kerajaan Perancis perlu menghormati keputusan yang telah dipersetujui oleh Dewan Senat Perancis - minyak sawit tidak harus didiskriminasi sama ada secara mutlak atau relatif.

Ketua Pegawai Eksekutif MPOC, Tan Sri Datuk Dr. Yusof Basiron, berkata undi di Dewan Senat ini telah mengesahkan pendirian kerajaan Perancis menolak pengenalan cukai baharu ke atas minyak sawit.

"300,000 pekebun kecil di Malaysia dan pihak lain yang berkaitan mengucapkan jutaan terima kasih kepada ahli Dewan Senat Perancis yang telah bersepakat menolak cukai yang tidak adil ini.

"Undi hari ini merupakan satu pengiktirafan daripada Perancis bahawa minyak sawit tidak sepatutnya dikenakan cukai. Prinsip ini perlu dihormati dalam semua perbincangan di masa depan. Pandangan petani kecil di Malaysia perlu dihormati dan kepentingan mereka mesti dipertahankan", katanya.

Pandangan lain

Food Navigator, satu portal terkemuka mengenai pemakanan, melaporkan bahawa analisis ekonomi yang ditaja oleh MPOC telah menunjukkan bahawa tidak terdapat sebarang asas ekonomi kukuh yang boleh digunakan untuk meyakinkan pengenalan cukai baru ke atas minyak sawit ini.

Pengarang laporan ini, Professor Pierre Garello dari Universiti Aix-Marseille, menegaskan bahawa hujah-hujah yang digunakan untuk menyokong pengenalan cukai baru ke atas minyak sawit ini sebagai 'secar fakta dan materialnya adalah salah'.

Pakar ekonomi Perancis termasuk Cécile Philippe dari Institut Economique Molinari telah menegaskan bahawa pada hakikatnya tiada sebarang kes berkaitan alam sekitar yang boleh dijadikan alasan kukuh untuk mengenakan cukai baharu ke atas minyak sawit.

Philippe menulis di dalam akhbar La Tribune, Minyak sawit bukanlah raksasa alam sekitar seperti yang telah digambarkan. Adalah mustahil untuk menunjukkan bahawa kenaikan cukai baharu ke atas minyak sawit ini akan melindungi alam sekitar.

Pakar perdagangan, Hosuk Lee-Makiyama yang merupakan Pengarah Pusat Ekonomi Politik Antarabangsa Eropah, telah mengesahkan bahawa cukai ini menyalahi undang-undang di bawah peraturan-peraturan perdagangan WTO.

Lee-Makiyama menulis di dalam Borderlex, undang-undang WTO telah membantu Perancis memansuhkan cukai yang tidak adil ke atas produk araknya yang digubal atas nama melindungi 'kesihatan awam'. Dengan cara yang sama panel WTO membuat keputusan yang memihak kepada wain Perancis, ia juga akan memansuhkan cukai Nutella (cukai baharu ke atas

minyak sawit) yang tidak adil.

Fakta Minyak Sawit Malaysia

Malaysia adalah pengeluar kedua terbesar minyak sawit dunia serta pengeksport utama minyak sawit dan produk hilirannya.

MPOC merupakan agensi kerajaan yang melindungi kepentingan pengusaha-pengusaha tanaman sawit dan para pekebun kecil sawit di Malaysia. 40% daripada jumlah keluasan tanaman sawit di Malaysia dimiliki atau diusahakan oleh para pekebun kecil yang mendapat pelbagai manfaat sosio-ekonomi daripada tanaman komoditi ini.

Minyak sawit telah memainkan peranan yang besar dalam membantu Malaysia mengurangkan kadar kemiskinan kepada 5% pada hari ini berbanding 50% pada tahun 1960an.

Industri minyak sawit Malaysia menyediakan peluang perkerjaan secara langsung kepada lebih daripada 570,000 orang dengan 290,000 lain yang bekerja dalam sektor hiliran.

Peranan Minyak Sawit kepada Perancis

Menurut penganalisis ekonomi terkemuka di Eropah, Europe Economics, minyak sawit memberi sumbangan yang ketara kepada ekonomi Perancis.

4,600 peluang pekerjaan di Perancis bergantung kepada import minyak sawit manakala sekurangnya €167 juta hasil cukai yang dikutip oleh kerajaan dijana daripada perdagangan minyak sawit. Import minyak sawit juga menjana lebih €323 juta keluaran

dalam negara kasar (KDNC) Perancis.

Alam Sekitar

Dakwaan bahawa Malaysia menebang hutan dan memusnahkan bio-kepelbagaian adalah tidak tepat.

Kerajaan Malaysia komited untuk melindungi sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah keluasan tanahnya sebagai kawasan hutan simpan kekal - satu komitmen terhadap alam sekitar yang berani dan berpandangan jauh di mana sebahagian besar negara-negara dunia lain termasuk Perancis tidak mampu melakukannya.

Komitmen kerajaan Malaysia ini telah diakui oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan Bank Dunia. Malaysia juga diiktiraf sebagai pemimpin dunia dalam perlindungan hutan.

Malaysia juga komited untuk melaksanakan dasar-dasar yang mengimbangi pembangunan tanah untuk tujuan pertanian (termasuk sawit) dan perlindungan alam sekitar (hutan dan biokepelbagaian).

Untuk pengetahuan umum, tanaman sawit hanya meliputi kira-kira 0.3% daripada jumlah keluasan tanah pertanian dunia dan ia memberi hasil yang tertinggi berbanding tanaman minyak sayuran lain.

Pemakanan & Kesihatan

Minyak sawit adalah minyak sayuran yang seimbang di mana kandungan asid lemak tidak tepu dan asid lemak tepu adalah sama. Keseimbangan ini memberi kualiti yang sangat baik untuk menyediakan pelbagai jenis produk makanan.

Minyak sawit juga adalah bebas GMO dan telah digunakan secara meluas di Eropah sebagai pengganti kepada asid lemak trans yang berbahaya kepada kesihatan.

Penyelidik dan pakar di Perancis serta di Eropah telah mengesahkan bahawa minyak sawit adalah selamat kepada kesihatan.

Kajian oleh Yayasan Makanan dan Kesihatan Perancis menunjukkan bahawa minyak sawit tidak berbahaya, dan jumlah pengambilannya di Eropah adalah normal.

Kajian oleh Drs. Elena Fattore dan Roberto Fanelli dari Mario Negri Institut di Milan pada 2014 telah mengesahkan hal ini. Dalam kajian mereka, Drs. Fatoore and Fanelli mendapati tiada bukti menunjukkan bahawa minyak sawit adalah berbahaya kepada kesihatan.

(Artikel ini telah disunting daripada artikel asal yang bertajuk, Malaysian Palm Oil Council: French Senators Confirm Rejection of Palm Oil Tax. Sila layari www.theoilpalm.org untuk mendapatkan salinan asal artikel ini)

Learn & Win!
DISCOVER ABOUT MALAYSIAN PALM OIL AND STAND A CHANCE TO WIN PRIZES
* use #MyPalmBus *

Contest period
1st July - 31st August 2016
Any PalmBus
Win high end tablet & smartphones
Winners will be announced on the website in September 2016

HOW TO WIN?
1. Take a selfie photo with the Malaysian Palm Oil bus and upload it on personal Instagram account (unprivate) with a hashtag #MyPalmBus
2. Visit www.theoilpalm.org/quickpoll website to answer simple questions and complete a slogan

*The lucky draw will be held in Kuala Lumpur, Malaysia from 1st July - 31st August 2016



Food Navigator, satu portal terkemuka mengenai pemakanan, melaporkan bahawa analisis ekonomi yang ditaja oleh MPOC telah menunjukkan bahawa tidak terdapat sebarang asas ekonomi kukuh yang boleh digunakan untuk meyakinkan pengenalan cukai baru ke atas minyak sawit ini.

Minyak sawit sumber lemak dan minyak berkualiti

Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) merupakan sebahagian tanggungjawab MPOB bagi menjamin kesejahteraan pembangunan industri sawit negara.

MPOB sentiasa bekerjasama dengan badan-badan penyelidikan lain dan melaksanakan R&D yang relevan bagi menjamin daya saing dan kemajuan minyak sawit Malaysia sebagai sumber utama bagi lemak dan minyak berkualiti dunia.

Sektor lemak dan minyak dunia terdiri daripada 17 jenis dimana 13 adalah sayuran manakala empat lagi adalah minyak dan lemak haiwan.

Pada tahun 2015, Malaysia telah mengeksport 25.3 juta tan produk berasaskan sawit. Bekalan minyak sawit meliputi 1/3 daripada keseluruhan permintaan minyak sayuran dunia dan terbesar didagangkan.

Ini bermakna minyak sawit diterima sebagai sumber utama lemak dan minyak bagi pemakanan sejagat yang berkualiti.

Kualiti dan khasiat minyak sawit dalam pemakanan amat penting demi menjamin kesihatan dan kesejahteraan manusia. Keceperlangan MPOB dalam penemuan-penemuan R&D telah menjulang minyak sawit sebagai sumber pemakanan dunia yang selamat.

Terdapat lebih daripada 200 projek penyelidikan dijalankan dalam bidang pemakanan yang membuktikan bahawa minyak sawit tidak memudaratkan kesihatan bahkan ianya mempunyai khasiat dan ciri kesihatan setanding minyak zaitun.

Fakta saintifik yang ditemukan menjadi teras untuk minyak sawit terus



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Muhamad Haris Adril Shamsol Amri
SMK Dato Hj. Mohd Taib, Chemor, Perak

akan menyebabkan tubuh mengalami kekurangan nutrisi dan mudah terdedah kepada penyakit. Ciri istimewa minyak sawit adalah ia stabil, tiada rasa dan mampu bertahan sehingga suhu 235 darjah Celcius. Ia tidak mempengaruhi rasa semula jadi masakan. Sebab itulah minyak sawit banyak digunakan dalam industri makanan di seluruh dunia. Ia dijadikan bahan asas untuk minyak masak, minyak sapi sayuran, marjerin, lemak makanan dan bahan campuran pelbagai makanan diproses, biskut, pastri, aiskrim mahupun santan.

Kita juga tidak sedar sebenarnya minyak sawit telah menggantikan lemak haiwan dalam penghasilan makanan bahkan tidak mudah mengalami mikrob makanan perosak. Kualiti terbaik minyak sawit tersebut menjadi faktor pelbagai produk baru berasaskan sawit terhasil.

Kini telah ada oleokimia berasas sawit bagi menggantikan oleokimia berasaskan lemak haiwan, menjadikan Malaysia pengeluar oleokimia sawit terbesar dunia. Pelbagai kegunaan oleokimia berasaskan sawit ini.

Antaranya kosmetik, produk penjagaan diri, produk mandian, produk pembersih rumah dan produk perindustrian. Produk mandian adalah seperti sabun, syampu, perapi rambut, deodoran dan ubat gigi.

Produk pembersih rumah seperti sabun pencuci kain, pelembut fabric dan bahan pembersih rumah. Produk perindustrian seperti dakwat percetakan, pembungkus makanan, cat untuk permukaan logam, pelincir, cecair hidrolik dan tayar.

Di samping itu, ia dapat mencegah dan mengurangkan kadar kolestrol, risiko obesiti, komplikasi jantung dan katarak. Diet yang tidak mengandungi lemak dan minyak secukupnya

akan menyebabkan tubuh mengalami kekurangan nutrisi dan mudah terdedah kepada penyakit.

Kita juga tidak sedar sebenarnya minyak sawit telah menggantikan lemak haiwan dalam penghasilan makanan bahkan tidak mudah mengalami mikrob makanan perosak. Kualiti terbaik minyak sawit tersebut menjadi faktor pelbagai produk baru berasaskan sawit terhasil.

Kini telah ada oleokimia berasas sawit bagi menggantikan oleokimia berasaskan lemak haiwan, menjadikan Malaysia pengeluar oleokimia sawit terbesar dunia. Pelbagai kegunaan oleokimia berasaskan sawit ini.

Antaranya kosmetik, produk penjagaan diri, produk mandian, produk pembersih rumah dan produk perindustrian. Produk mandian adalah seperti sabun, syampu, perapi rambut, deodoran dan ubat gigi.

Produk pembersih rumah seperti sabun pencuci kain, pelembut fabric dan bahan pembersih rumah. Produk perindustrian seperti dakwat percetakan, pembungkus makanan, cat untuk permukaan logam, pelincir, cecair hidrolik dan tayar.

Aktiviti pameran dan turun padang sedia peluang kongsi maklumat sawit

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) merupakan sebuah agensi kerajaan yang berperanan memartabatkan industri sawit di Malaysia.

Peranan yang dimainkan oleh MPOB amat besar sehingga berjaya mengangkat industri sawit sebagai komoditi utama negara ke persada antarabangsa.

Malah ia juga telah menyemarakkan kefahaman serta memberi informasi berkaitan sawit kepada masyarakat di Malaysia.

Berititik tolak dengan saranan Pengarah MPOB yang sentiasa menyarankan warga kerja MPOB

Kesungguhan MPOB sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam industri sawit dapat dilihat melalui komitmen organisasi yang sentiasa turun padang dan mendekati masyarakat umum dan pekebun sawit melalui aktiviti pameran, seminar dan sebagainya.

MPOB sentiasa mencari peluang untuk mengadakan aktiviti pameran dan turun padang saban tahun.

Sepanjang tahun 2016, kalendar aktiviti MPOB padat dengan aktiviti turun padang yang merupakan tanggungjawab asasnya dalam memberi informasi industri sawit serta membantu pekebun sawit.

Antara program yang dijalankan ialah program 'Hello Komoditi' yang merupakan program anjuran pihak Kementerian Perindustrian dan Komoditi bersama agensi-agensi di bawahnya.

Program ini telah berjaya menarik minat masyarakat untuk mengenali MPOB dan komoditi sawit.

Sememangnya program seumpama ini memberi



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM

Che Wan Sabri
Che Wan Ibrahim
Kg. Seberang Tepoh, Kuala Nerus, Terengganu

manfaat yang besar bukan sahaja kepada pekebun sawit malah kepada masyarakat umum.

Bagi peladang dan pekebun sawit, mereka akan mendapat faedah daripada aktiviti ini.

Antaranya, mereka dapat mengetahui secara terperinci informasi sawit terkini, peluang serta dapat berkongsi masalah melalui saluran yang betul.

Selain itu, pekebun sawit boleh mendapatkan ilmu yang bermanfaat ke arah menjadikan penanaman sawit yang berkualiti tinggi.

Bagi masyarakat umum, aktiviti turun padang dan pameran yang dilaksanakan MPOB dapat memberikan pengetahuan tentang sawit seperti kebaikan sawit, produk-produk dari sawit dan sebagainya.

Ia juga boleh dijadikan platform kepada masyarakat untuk mengemukakan sebarang kemusykilan tentang sawit.

Selain itu, MPOB turut mengadakan 'Program Ke-

edaran Kesihatan Bersama MPOB' yang telah diadakan dengan jayanya di Hospital Putrajaya bagi mempromosi organisasi dan produk serta memberi kesedaran kepada masyarakat tentang amalan kesihatan.

Terdapat banyak program turun padang yang telah dijalankan oleh MPOB.

Antara lain ialah penyertaan dalam program 'Sejiwa Senada' iaitu salah satu program yang memberi peluang kepada masyarakat untuk mendapatkan maklumat serta perkhidmatan yang disediakan oleh MPOB.

Dengan cara ini, MPOB berpeluang mendekati masyarakat dengan lebih dekat dan masyarakat juga boleh berinteraksi secara langsung dengan MPOB.

Peluang yang ada dapat dimanfaatkan sepenuhnya dengan adanya kaunter pertanyaan, kaunter pembaharuan lesen, kaunter penyelarasan bantuan untuk pekebun sawit.

Selain itu, pekebun sawit dapat mengetahui dengan lebih lanjut tentang kewujudan kemudahan, intensif, skim bantuan dan berpeluang untuk mendapat penjelasan dari petugas gerai pameran.

Ini secara tidak langsung mewujudkan hubungan dua hala yang erat antara MPOB dan pekebun sawit dalam mencapai matlamat yang sama ke arah merealisasikan sawit sebagai komoditi negara yang kompetitif.

Program Transformasi Pekebun Kecil Komoditi juga merupakan program turun padang yang banyak memberi impak positif terhadap industri sawit Malaysia.

PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN OGOS 2016

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Kategori 1: Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)
Tajuk: "Industri sawit Malaysia mesra alam sekitar. Bincangkan".

Kategori 2: Awam
Tajuk: "Industri sawit mampan jamin pasaran di peringkat global. Bincangkan".

Tiga pemenang utama setiap kategori akan menerima;
 ◎ Hadiah Pertama: **RM250**
 ◎ Hadiah Kedua: **RM200**
 ◎ Hadiah Ketiga: **RM150**

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan SEPTEMBER 2016 akan datang.

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan Julai 2016

PEMENANG KATEGORI 1
Pelajar Sekolah Menengah

Hadiah Pertama
Muhamad Haris Adril Shamsol Amri
SMK Dato Hj. Mohd Taib, Chemor, Perak

Hadiah Kedua
Muhammad Aliff Haikal Zulkifli
Maahad Yaakubiah Nipah Bachok, Kelantan

Hadiah Ketiga
Nurul Safiyah Mohd Fauzi
Maahad Pengajian Islam Kota Bharu, Kelantan

PEMENANG KATEGORI 2
Awam

Hadiah Pertama
Che Wan Sabri
Che Wan Ibrahim
Kg. Seberang Tepoh, Kuala Nerus, Terengganu

Hadiah Kedua
Safwah Nadzirah
Alia Salleh
Kg. Melayu Batu 16 Rawang, Selangor

Hadiah Ketiga
Nur Habibah Norman
Klang, Selangor

Syarat Penyertaan

- ◎ **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5
- ◎ **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas dan bukan kakitangan MPOB
- ◎ Panjang esei antara 500 - 700 patah kata
- ◎ Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan sertakan sekeping gambar ukuran pasport
- ◎ Keputusan juri adalah muktamad
- ◎ Tarikh tutup penyertaan ialah pada 22 Ogos 2016
- ◎ Hantarkan penyertaan ke alamat: **Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB**
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor
u/p: **Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)**



Datuk Seri Mah Siew Keong diiringi isteri **Datin Seri Yeoh Pooi Hoon** dan Timbalan Ketua Setiausaha (Komoditi) MPIC, **Zurinah Pawanteh** menyampaikan sumbangan duit raya kepada anak yatim dari Pertubuhan Kebajikan dan Bimbingan At-Taqwa Puchong, Selangor sempena Majlis Sambutan Hari Raya MPIC di Putrajaya.



Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Seri Mah Siew Keong mendengar penerangan mengenai penyelidikan marjerin daripada sawit ketika lawatan ke Loji Rintis Marjerin di Ibu Pejabat MPOB, Bangi. Beliau diiringi Ketua Pengarah MPOB, **Dr. Ahmad Kushairi Din**. Turut kelihatan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), **Toisin Gantor**.



Datuk Mah Siew Keong menyerahkan watikah perlantikan kepada **Dr. Ahmad Kushairi Din** yang dilantik Ketua Pengarah MPOB yang baharu. Yang turut hadir Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, **Datuk Datu Nasrun Datu Mansur** dan Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, **Datuk M. Nagarajan**.



Datuk Datu Nasrun Datu Mansur dan **Dr. Ahmad Kushairi Din** (kanan) beramah mesra dan menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim dari Sekolah Tahfiz Anak Yatim Alkitab, Beranang yang diraikan pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri MPOB di Bangi. Turut kelihatan Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB, **Mohamad Nor Abdul Rahman** (kiri).